

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BUKAN LISAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS,**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN AHMAD TARMIZI BIN SULAIMAN [SIK]

SOALAN

TUAN AHMAD TARMIZI BIN SULAIMAN [SIK] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan statistik kes kebangkrapan akibat kelembapan ekonomi sepanjang tempoh pandemik COVID-19 dan apakah kewajaran Kerajaan melanjutkan tempoh penguatkuasaan Akta Insolvensi dalam nilai ambang hutang minimum RM100,000.

YB DATO SERI DR. HAJI WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(PARLIMEN DAN UNDANG-UNDANG)

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah keseluruhan kes kebangkrapan dari bulan Mac 2020 hingga November 2021 ialah sebanyak 12,104 kes.
2. Jumlah kes kebangkrapan mengikut pecahan negeri bagi tempoh Mac hingga Disember 2020 ialah seperti berikut:

TAHUN 2020											
NEGERI	Mac	Apr	Mei	Jun	Jul	Ogos	Sept	Okt	Nov	Dis	JUMLAH
Wilayah Persekutuan	39	0	0	68	84	117	183	108	4	56	659
Selangor	10	0	0	150	267	285	255	174	26	315	1482
Johor	72	0	7	60	66	26	114	155	62	69	631
Sarawak	38	0	6	67	83	50	63	62	35	32	436
Sabah	55	0	34	108	139	118	143	11	0	51	659
Perak	46	0	20	52	89	70	85	99	41	40	542
Pulau Pinang	10	0	32	33	21	21	71	35	63	28	314
Kedah	24	0	5	26	47	52	2	61	54	10	281

NO. SOALAN : 35

Terengganu	21	0	0	6	15	55	54	51	18	31	251
Kelantan	12	0	5	2	17	40	61	46	30	34	247
Pahang	30	0	9	35	42	40	38	61	41	29	325
Melaka	32	0	0	9	21	33	51	17	13	9	185
Negeri Sembilan	47	0	28	22	26	3	96	48	28	1	299
Perlis	2	0	0	3	2	5	6	5	4	6	33
JUMLAH	438	0	146	641	919	915	1222	933	419	711	6,344

3. Jumlah kes kebangkrapan mengikut pecahan negeri bagi tempoh Januari hingga November 2021 ialah seperti berikut:

TAHUN 2021												
CAWANGAN	Jan	Feb	Mac	Apr	Mei	Jun	Jul	Ogos	Sept	Okt	Nov	JUMLAH
Wilayah Persekutuan	20	51	128	103	109	91	127	19	21	30	119	818
Selangor	96	128	367	378	102	0	2	1	10	236	332	1652
Johor	19	41	51	161	100	3	52	76	81	20	27	631
Sarawak	25	37	46	37	25	8	9	16	22	27	23	275
Sabah	71	69	60	42	51	2	11	26	31	34	106	503
Perak	39	32	41	114	41	15	3	0	0	8	67	360
Pulau Pinang	32	6	26	44	62	0	4	1	4	2	65	246
Kedah	30	22	51	38	16	5	34	64	13	41	26	340
Terengganu	28	0	35	24	3	0	4	0	1	1	0	96
Kelantan	59	14	46	33	0	0	20	15	5	4	22	218
Pahang	18	22	55	30	5	0	0	16	18	12	52	228
Melaka	5	19	30	26	13	5	0	0	1	4	19	122
Negeri Sembilan	9	4	20	57	69	0	23	15	2	13	39	251
Perlis	8	0	4	3	5	0	0	0	0	0	0	20
JUMLAH	459	445	960	1090	601	129	289	249	209	432	897	5,760

4. Bagi membantu mengurangkan kadar kebangkrapan, Jabatan Insolvensi Malaysia (Mdl) telah membuat pengubahsuaian melalui Bahagian VII – Pengubahsuaian Kepada Akta Insolvensi 1967 [Akta 360] di dalam Akta Langkah-Langkah Sementara bagi Mengurangkan Kesan Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19) 2020 [Akta 829] yang telah diluluskan oleh Parlimen dan berkuat kuasa pada 23 Oktober 2020. Mdl juga turut meminda peruntukan perenggan 5(1)(a) Akta 360 melalui Akta Insolvensi (Pindaan) 2020 [Akta A1624] yang berkuat kuasa pada 1 September 2021. Pengubahsuaian yang dibuat melalui kedua-dua Akta ini ialah terhadap nilai had minima keberhutangan yang ditetapkan kepada RM100,000.

5. Penetapan nilai had minima keberhutangan kepada RM100,000 ini akan memberi peluang kepada individu untuk mengukuhkan ekonomi semasa tanpa kekangan yang timbul daripada tindakan kebangkrapan bagi

NO. SOALAN : 35

merencanakan pertumbuhan ekonomi dan pembangunan negara. Individu juga diberi peluang daripada segi pengurusan kewangan lebih-lebih lagi setelah berhadapan dengan situasi pandemik COVID-19 yang tidak dijangka pada tahun 2020. Selain itu, nilai had minima keberhutangan yang ditetapkan kepada RM100,000 ini akan dapat mengelakkan pertambahan kes kebangkrapan secara mendadak dalam masa yang singkat.

6. Sehubungan itu, pengubahsuaian dan pindaan tersebut adalah salah satu langkah kontigensi Kerajaan dalam menangani kesan-kesan akibat dari penularan COVID-19 dan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang telah memberi impak besar kepada rakyat dari pelbagai aspek kehidupan.

Sekian. Terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN AHMAD TARMIZI BIN SULAIMAN (SIK)

SOALAN

TUAN AHMAD TARMIZI BIN SULAIMAN (SIK) minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan usaha penambahbaikan kurikulum pendidikan politik kepada pelajar peringkat menengah atas yang akan menjadi pengundi ketika berumur 18 tahun.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kandungan kurikulum berkaitan pendidikan politik telah dimasukkan dalam kurikulum Sejarah sekolah menengah. Kurikulum Sejarah ini telah ditambah baik selaras dengan pelaksanaan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) mulai tahun 2017. Kandungan yang berkaitan dengan pendidikan politik telah disusun berdasarkan tema dan tajuk secara kronologi. Kandungan kurikulum ini juga disepadukan dengan penerapan Elemen Kewarganegaraan dan Nilai Sivik serta Kemahiran Pemikiran Sejarah.

Pengetahuan murid berkaitan politik diperkukuh melalui tema “Sejarah Kita dan Dunia”, “Warisan Bangsa”, “Kedatangan Kuasa Asing”, “Pembinaan Negara” serta “Malaysia dan Masa Hadapan”. Murid diajar tentang elemen politik selaras dengan kematangan usia mereka bagi membolehkan murid memahami kepentingan hak dan tanggungjawab mereka sebagai warganegara.

KPM yakin kandungan kurikulum berkaitan pendidikan politik dapat mempersiapkan murid untuk melaksanakan hak dan tanggungjawab mereka sebagai pengundi.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB TUAN AHMAD TARMIZI BIN
SULAIMAN [SIK]**

SOALAN

TUAN AHMAD TARMIZI BIN SULAIMAN [SIK] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan kewajaran menyemak nilai pemberian geran rangsum harian asrama anak yatim yang didaftar di bawah Kementerian dengan nilai yang lebih wajar dan munasabah pada ketika ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pada masa kini melalui peruntukan Bantuan Kewangan Kerajaan kepada pertubuhan bukan Kerajaan (NGO) di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) adalah bagi **menampung** kos perbelanjaan makan dan minum kepada penghuni di pusat jagaan.

Kelulusan bantuan kewangan yang **dipertimbangkan turut mengambil kira kemampuan kewangan NGO dari segi jumlah aset semasa, pendapatan dan perbelanjaan NGO tersebut.** Ini adalah selaras dengan **prinsip kebajikan tanggungjawab bersama melalui kerjasama strategik antara kerajaan dan NGO.**

Kementerian merakamkan penghargaan kepada NGO yang bersama-sama memainkan peranan dalam komuniti dalam menjaga kebajikan anak-anak yatim tersebut.

Kementerian mengambil maklum akan isu yang dibangkitkan oleh NGO terutama dalam memberi perkhidmatan yang lebih baik kepada kumpulan sasar.

Sekian, terima kasih.